

## ANALISIS SKIM AGIHAN ZAKAT DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN) MENGIKUT MAQASID SYARIAH

### *Analysis of the Zakat Distribution Scheme at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) According to Maqasid Syariah*

Muhammad Azhad Al-Bohari<sup>1a\*</sup>, Azman Ab Rahman<sup>b</sup> & Muhammad Faiz Abd Shakor<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Nilai, 71800, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Emel: [azhadsampj@gmail.com](mailto:azhadsampj@gmail.com)<sup>1</sup>

<sup>b</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Nilai, 71800, Negeri Sembilan, MALAYSIA.  
Emel: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)<sup>2</sup>

<sup>c</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Nilai, 71800, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Emel: [faizshakorkisas@gmail.com](mailto:faizshakorkisas@gmail.com)<sup>3</sup>

\*Corresponding Author: [azhadsampj@gmail.com](mailto:azhadsampj@gmail.com)

Received: 6 January 2025

Accepted: 14 January 2025

Published: 17 January 2025

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.30no1.669>

Abstrak	Abstract
<p>Zakat merupakan salah satu instrumen penting dalam meningkatkan keberdayaan ummah menghadapi cabaran ekonomi masa kini. Setiap skim yang disediakan perlu dinilai sama ada melengkapinya keperluan asnaf berasaskan maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian ini akan membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks zakat serta menganalisis dan menilai skim agihan zakat kepada asnaf berasaskan maqasid syariah di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah dokumentasi. Hasil kajian mendapati secara umumnya skim-skim yang disediakan oleh di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) kepada asnaf melengkapinya setiap aspek maqasid syariah. Namun, semakan semula perlu dilakukan</p>	<p>Zakat is one of the pivotal instruments in enhancing the empowerment of the ummah to navigate contemporary economic challenges. Every scheme formulated must be evaluated to determine its alignment with the needs of the asnaf (eligible zakat recipients) based on the principles of Maqasid Shariah, which aim to preserve religion (deen), life (nafs), intellect (aql), lineage (nasl), and wealth (maal). This study explores the concept of Maqasid Shariah in the context of zakat and analyzes the distribution schemes for asnaf at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) through the lens of Maqasid Shariah. A qualitative approach is employed, utilizing document analysis as the primary method. The findings reveal that, in general, the schemes provided by UNITEN effectively address each aspect of Maqasid Shariah. However, a review is necessary to ensure that</p>

<p>bagi memastikan skim-skim tersebut mengikut keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi menilai setiap skim yang disediakan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain bagi memenuhi tuntutan maqasid syariah yang ditekankan dalam ajaran Islam. Kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di setiap negeri dalam melaksanakan sistem pengagihan zakat dengan cekap dan efektif.</p>	<p>these schemes prioritize the five fundamental principles of Maqasid Shariah—preservation of religion, life, intellect, lineage, and wealth—in the correct hierarchical order. Further research is recommended to evaluate zakat distribution schemes at other higher education institutions to ensure they align with the requirements of Maqasid Shariah as emphasized in Islamic teachings. This study aspires to serve as a guide for higher education institutions across all states in implementing efficient and effective zakat distribution systems.</p>
<p><b>Kata kunci:</b> Skim Agihan Zakat, Universiti Tenaga Nasional, Maqasid Syariah</p>	<p><b>Keywords:</b> Zakat Distribution Scheme, Universiti Tenaga Nasional, Maqasid Shariah</p>

## 1. PENGENALAN

Zakat merupakan satu kewajipan yang perlu ditunaikan oleh setiap Muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Sebagai salah satu daripada rukun Islam, zakat telah menjadi elemen penting dalam kehidupan individu dan masyarakat Islam sejak awal kedatangan agama ini. Dalil penentuan asnaf zakat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran iaitu golongan-golongan yang berhak menerima zakat seperti mana dalam surah At-Taubah ayat 60 melalui maksudNya:

*“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajipan dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

(Al-Taubah: 60).

Secara umumnya, ayat tersebut menyatakan dengan jelas terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Mereka adalah al-fuqara’ (orang fakir), al-masakin (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, al-riqab (hamba), al-gharimin (orang yang memiliki hutang), fisabilillah (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya ibn sabil (musafir yang sedang dalam perjalanan). Justeru, ayat ini secara tidak langsung ayat ini menunjukkan dengan jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat.

Setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia telah menyediakan skim-skim bantuan yang pelbagai dan berbeza untuk memenuhi keperluan asnaf yang berhak. Artikel ini hanya akan meneliti skim agihan zakat yang disediakan oleh UNITEN kepada asnaf yang terlibat berdasarkan perspektif maqasid syariah untuk memastikan bantuan yang disalurkan menepati keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Instrumen pengumpulan data pula terdiri daripada analisis dokumen. Contoh jenis dokumen digunakan sebagai sandaran kajian adalah seperti tesis, buku, seminar, jurnal dan artikel kajian yang berkaitan sama ada dalam bentuk fizikal ataupun secara maya. Data yang diperoleh seterusnya dikumpul dan dievaluasi sehingga membentuk suatu kesimpulan.

## 3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 3.1 *Konsep Maqasid Syariah*

Konsep maqasid syariah telah dikaji secara mendalam oleh para ulama klasik dan kontemporari, dengan penekanan terhadap objektif dan hikmah di sebalik setiap hukum syarak. Al-Ghazali, salah seorang tokoh terkemuka dalam pemikiran Islam, telah mengkategorikan maqasid syariah kepada tiga tingkatan masalah: *dharuriyyah* (keperluan asas), *hajiyyah* (keperluan tambahan), dan *tahsiniyyah* (keperluan pelengkap). Keperluan dharuriyyah merujuk kepada unsur-unsur asas yang jika tiada, akan menyebabkan kehidupan manusia menjadi kacau-bilau dan tidak teratur. Keperluan hajiyyah pula berkaitan dengan kemudahan dalam kehidupan seharian, manakala keperluan tahsiniyyah melibatkan aspek moral, etika, dan adab yang menyumbang kepada kesempurnaan hidup. Al-Ghazali seterusnya menyaring ketiga-tiga keperluan ini ke dalam lima elemen asas yang dikenali sebagai *Al-Dharuriyyat Al-Khams*, iaitu pemeliharaan agama (ad-Din), nyawa (an-Nafs), akal (al-'Aql), keturunan (an-Nasl), dan harta (al-Mal) (Al-Ghazali, 1901). Konsep ini turut diperkukuh oleh Al-Syatibi, yang menegaskan bahawa matlamat utama syariah Islam adalah untuk memelihara lima elemen tersebut dalam semua situasi dan keadaan (Al-Syatibi, 1996). Kesempurnaan konsep ini menunjukkan bahawa Islam menitikberatkan kesejahteraan dan perlindungan bukan sahaja untuk umat Islam, tetapi juga untuk semua individu yang berada di bawah naungannya.

Selain itu, 'Alal al-Fasi mendefinisikan maqasid syariah sebagai objektif dan rahsia di sebalik setiap hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT ('Alal al-Fāsi, 1966). Matlamat utama syariat Islam adalah untuk mendatangkan kebaikan (masalah) dan menghindari keburukan (mafsadah), yang merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi. Al-Syatibi (1996) menjelaskan bahawa kebaikan ini selari dengan misi kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat untuk seluruh alam, seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Anbiyaa': 107. Ayat ini mengukuhkan hujah bahawa rahmat Islam tercermin melalui usaha mencapai masalah dan menolak mafsadah dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam konteks agihan zakat kepada asnaf fisabilillah. Setiap skim agihan zakat perlu dinilai agar selari dengan kehendak syarak dan memenuhi keperluan asnaf, sekaligus mencapai kemaslahatan yang diinginkan.

Secara umumnya, maqasid syariah merujuk kepada tujuan di sebalik penciptaan syariat Islam secara keseluruhan dan setiap hukum secara terperinci (Mahmood Zuhdi, 2012). Para ulama bersepakat bahawa setiap hukum syarak mengandungi hikmah dan tujuannya yang tersendiri, iaitu untuk mendatangkan kebaikan dan menghindari keburukan. Al-Syatibi (1996) menegaskan bahawa matlamat syariat Islam merangkumi lima komponen utama, iaitu *al-dharuriyyat al-khamsah*, yang meliputi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Pemeliharaan ini dilaksanakan melalui tiga tingkatan: *dharuriyyat* (asas), *hajiyyat* (sekunder), dan *tahsiniyyat* (pelengkap). *Dharuriyyat* merujuk kepada perkara-perkara yang tidak boleh diabaikan dalam kehidupan, *hajiyyat* berkaitan dengan kemudahan hidup, manakala *tahsiniyyat* melibatkan aspek moral dan akhlak yang menyumbang kepada kualiti hidup yang lebih baik (Ibn 'Asyur, 1999). Konsep ini menekankan keseimbangan dalam memenuhi keperluan hidup manusia, baik dari segi material mahupun spiritual, demi mencapai kesejahteraan sejagat.

Kesimpulannya, konsep maqasid syariah yang digariskan oleh para ulama seperti Al-Ghazali, Al-Syatibi, dan 'Alal al-Fasi menekankan kepentingan memelihara lima elemen asas kehidupan melalui tiga tingkatan keperluan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat, tetapi juga mencerminkan keuniversalan dan kesyumulan Islam sebagai rahmat untuk seluruh alam.

### **3.2 Sejarah Dan Latar Belakang Tabung Dan Amanah Zakat Uniten (TAZU)**

Konsep wakalah dalam pengurusan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mula dilaksanakan pada tahun 1998 apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberikan kuasa kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk mengutip zakat daripada warga UiTM dan mengagihkannya kepada golongan asnaf seperti fakir,

miskin, muallaf, fisabilillah, dan amil di institusi tersebut (Muhammad Rizal Jalil et al., 2017). Pelaksanaan ini bermula dengan pembentangan kertas kerja Konsep Q5S oleh Program Zakat UiTM, yang menekankan penghayatan instrumen zakat dalam pentadbiran universiti. Kebenaran bersyarat yang diwartakan oleh MAIS menjadikan UiTM sebagai IPT awam pertama yang dilantik sebagai Penolong Amil IPT-LZS, membolehkan universiti tersebut mengurus kutipan dan agihan zakat dalam kalangan warganya berdasarkan syarat-syarat tertentu (Muhammad Rizal Jalil et al., 2017). Sehingga kini, LZS telah melantik sembilan IPT sebagai Penolong Amil, termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tun Razak (UniTAR), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), dan Universiti Selangor (Unisel) (Muhammad Rizal Jalil et al., 2017).

Amalan wakalah ini kemudiannya diperluaskan ke negeri-negeri lain melalui kerjasama antara institusi zakat negeri dengan IPT terpilih. Pelaksanaannya tertakluk kepada syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Kerjasama ini selaras dengan polisi Kementerian Pengajian Tinggi yang prihatin terhadap hak dan kebajikan pelajar, khususnya dalam memastikan akses pendidikan tinggi tidak terhalang oleh faktor kewangan. Inisiatif ini juga selari dengan sasaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang bertujuan meningkatkan kemampanan kewangan dan menyokong pelajar dari latar belakang sosioekonomi yang memerlukan bantuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Penubuhan unit pengurusan zakat di IPT memainkan peranan penting dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada pendidikan tinggi akibat kekangan kewangan, sekaligus mengurangkan kebergantungan IPT terhadap sumber kewangan kerajaan untuk membela kebajikan pelajar, terutamanya golongan asnaf (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

UNITEN menerima Tawaran Pelantikan sebagai Penolong Amil bagi pihak Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) pada 14 Julai 2010. Seterusnya, pada 2 September 2010, UNITEN dan LZS menandatangani Memorandum Perjanjian Persetujuan (MoA) bagi melantik UNITEN sebagai Penolong Amil sekaligus merasmikan penubuhan Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) yang beroperasi sehingga kini. Penubuhan TAZU merupakan langkah strategik dalam memastikan agihan zakat dapat disalurkan secara berkesan kepada pelajar dan warga UNITEN yang layak. (Amanah UNITEN, t.t.)

Kesimpulannya, kewujudan unit pengurusan zakat di IPT telah meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan zakat di Malaysia, selaras dengan prinsip

maqasid syariah yang digariskan oleh para ulama. Pelaksanaan konsep wakalah ini bukan sahaja memudahkan proses pengurusan zakat tetapi juga memastikan agihan zakat mencapai sasaran yang tepat, khususnya dalam membela kebajikan asnaf dari kalangan pelajar dan anggota kerja di IPT.

### 3.3 Skim Bantuan Zakat TAZU

TAZU telah menyediakan sebanyak 17 skim bantuan untuk 4 asnaf pelajar dan 5 skim bantuan zakat anggota kerja UNITEN. Antara skim bantuan yang disalurkan kepada asnaf UNITEN adalah seperti di dalam jadual 1 dan 2 berikut (Amanah UNITEN, t.t.):

**Jadual 1.** Skim Bantuan Zakat Pelajar UNITEN

Asnaf	Jenis Bantuan
Fakir	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bantuan Wang Saku.</li> <li>b. Bantuan Kecemasan Runcit.</li> <li>c. Bantuan Perubatan.</li> <li>d. Bantuan Keperluan Pendidikan.</li> <li>e. Saguhati Hari Raya.</li> </ul>
Miskin	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bantuan Wang Saku.</li> <li>b. Bantuan Kecemasan Runcit.</li> <li>c. Bantuan Perubatan.</li> <li>d. Bantuan Keperluan Pendidikan.</li> <li>e. Saguhati Hari Raya.</li> </ul>
Muallaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Saguhati Hari Raya.</li> <li>b. Ceramah Muallaf.</li> <li>c. Sumbangan Individu/Persatuan Saudara Baru.</li> <li>d. Bantuan Kecemasan Runcit.</li> <li>e. Bantuan Berkhatan.</li> <li>f. Bantuan Kewangan Bulanan.</li> <li>g. Kursus dan Latihan</li> <li>h. Bantuan Umum Pelajaran.</li> <li>i. Bantuan Perubatan Muallaf.</li> </ul>
Fisabilillah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bantuan Umum Pelajaran.</li> <li>b. Sumbangan Program Forum / Ceramah Agama.</li> <li>c. Bantuan Kepada Persatuan / Badan Kebajikan Islam.</li> <li>d. Bantuan Kecemasan Runcit.</li> <li>e. Dermasiswa Pelajar Cemerlang.</li> <li>f. Bantuan Keperluan Belajar.</li> <li>g. Bantuan Penyelidikan / Penerbitan.</li> </ul>

**Jadual 2. Skim Bantuan Zakat Anggota Kerja UNITEN**


<b>Asnaf</b>	<b>Jenis Bantuan</b>
Fakir	a. Perubatan, Pembedahan, Pembelian Alat Sokongan Hidup, Rawatan Susulan melibatkan kos yang tinggi.
Miskin	b. Bantuan Bencana Alam (pemohon ditimpa musibah bencana alam seperti banjir Musibah besar dan tidak mendapat bantuan dari Pusat Zakat Negeri)
Muallaf	c. Muallaf, Saguhati Galakan ( Muallaf yang baru memeluk Islam kurang dari 5 tahun)
Fisabilillah	d. Bantuan Umum Pelajaran, Bantuan umum persekolahan anak-anak staff
	e. Bantuan Wang Saku

UNITEN melaksanakan pelbagai skim bantuan zakat untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan pelajar serta komuniti di sekitarnya terpelihara. Usaha ini selaras dengan prinsip zakat, iaitu membantu golongan yang memerlukan (asnaf) seperti fakir, miskin, muallaf, dan pelajar cemerlang yang kurang berkemampuan. Skim-skim seperti Bantuan Wang Saku, Dermasiswa Pelajar Cemerlang, dan Bantuan Keperluan Belajar, misalnya, bertujuan mengurangkan tekanan kewangan pelajar agar mereka dapat memberi fokus kepada pendidikan tanpa halangan ekonomi.

Selain itu, UNITEN turut menggalakkan pembangunan sosial dan keagamaan melalui ceramah, kursus, dan bantuan kepada persatuan Islam, yang membantu membentuk komuniti lebih inklusif dan berdaya maju. Bantuan seperti Saguhati Hari Raya dan Bantuan Kecemasan Runcit pula mencerminkan nilai prihatin terhadap kesejahteraan harian penerima zakat, selaras dengan aspirasi UNITEN untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, tetapi juga hidup dalam persekitaran yang seimbang dan diberkati.

### **3.4 Analisis Skim Bantuan Zakat TAZU Mengikut Maqasid Syariah**

Skim bantuan zakat yang ditawarkan kepada asnaf di UNITEN dianalisis berasaskan lima prinsip utama maqasid syariah. Analisis ini bertujuan memastikan setiap skim bantuan yang disediakan selaras dengan keutamaan maqasid syariah dalam Islam. Penetapan skim agihan zakat berdasarkan kepada maqasid syariah melalui pengekstrakan ontologi kaedah *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* boleh dilihat dalam carta 3 di bawah (Azman Ab Rahman et. al., 2016):



Carta 3. Hierarki Utama Maqasid Syariah

Pembahagian skim agihan zakat kepada asnaf yang terlibat perlu dilaksanakan mengikut lima kepentingan asas yang utama bermula daripada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Jadual 4 di bawah menunjukkan pembahagian skim bantuan zakat pelajar UNITEN kepada asnaf fakir dan miskin mengikut maqasid syariah:

Jadual 4. Skim Bantuan Zakat Pelajar UNITEN Mengikut Maqasid Syariah Untuk Asnaf Fakir dan Miskin

Agama (Hifz al-Din)	Nyawa (Hifz al-Nafs)	Akal (Hifz al-Aql)	Keturunan (Hifz al-Nasl)	Harta (Hifz al-Mal)
	Bantuan Perubatan	Bantuan Keperluan Pendidikan		Bantuan Wang Saku
				Bantuan Kecemasan Runcit
				Saguhati Hari Raya
0	1	1	0	3

Berdasarkan Jadual 4, terdapat tiga skim bantuan yang tergolong dalam kategori pemeliharaan harta, sementara pemeliharaan nyawa dan akal masing-masing merangkumi satu skim bantuan. Namun, tiada skim bantuan yang diperuntukkan bagi kategori pemeliharaan agama dan keturunan. Jadual 5 berikut memperincikan pembahagian skim bantuan zakat pelajar UNITEN kepada asnaf muallaf berdasarkan prinsip maqasid syariah:



**Jadual 5.** Skim Bantuan Zakat Pelajar UNITEN Mengikut Maqasid Syariah Untuk Asnaf Muallaf

<b>Agama (Hifz al-Din)</b>	<b>Nyawa (Hifz al-Nafs)</b>	<b>Akal (Hifz al-Aql)</b>	<b>Keturunan (Hifz al-Nasl)</b>	<b>Harta (Hifz al-Mal)</b>
Ceramah Muallaf	Bantuan Perubatan Muallaf	Bantuan Umum Pelajaran	Bantuan Berkhatan	Saguhati Hari Raya
Persatuan Individu/ Persatuan Saudara Baru	Bantuan Kecemasan Runcit	Kursus dan Latihan		Bantuan Kewangan Bulanan
Kursus dan Latihan				Bantuan Kecemasan Runcit
<b>3</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>3</b>

Berdasarkan Jadual 5, terdapat tiga skim bantuan yang termasuk dalam kategori pemeliharaan agama dan harta, sementara pemeliharaan nyawa dan akal masing-masing merangkumi dua skim bantuan, diikuti oleh satu skim bantuan untuk pemeliharaan keturunan. Jadual 6 seterusnya memperincikan skim bantuan zakat yang disediakan untuk asnaf fisabilillah:

**Jadual 6.** Skim Bantuan Zakat Pelajar UNITEN Mengikut Maqasid Syariah Untuk Asnaf Fisabilillah

<b>Agama (Hifz al-Din)</b>	<b>Nyawa (Hifz al-Nafs)</b>	<b>Akal (Hifz al-Aql)</b>	<b>Keturunan (Hifz al-Nasl)</b>	<b>Harta (Hifz al-Mal)</b>
Sumbangan Program Forum/ Ceramah Agama	Bantuan Kecemasan Runcit	Bantuan Umum Pelajaran		Bantuan Kecemasan Runcit
Bantuan Kepada Persatuan/ Badan Kebajikan Islam		Derasiswa Pelajar Cemerlang		
Bantuan Penyelidikan / Penerbitan		Bantuan Keperluan Belajar		
		Bantuan Penyelidikan/ Penerbitan		
<b>3</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>1</b>

Berdasarkan Jadual 6, terdapat tiga skim bantuan yang termasuk dalam kategori pemeliharaan agama, manakala pemeliharaan akal mencatat bilangan skim bantuan tertinggi dengan empat skim. Sementara itu, terdapat satu skim bantuan masing-masing di bawah kategori pemeliharaan nyawa dan harta, dan tiada skim bantuan yang diperuntukkan untuk kategori pemeliharaan keturunan. Jadual 7 seterusnya akan memaparkan skim bantuan zakat untuk anggota kerja UNITEN berdasarkan prinsip maqasid syariah:

**Jadual 7.** Skim Bantuan Zakat Anggota Kerja UNITEN Mengikut Maqasid Syariah

<b>Agama (Hifz al-Din)</b>	<b>Nyawa (Hifz al-Nafs)</b>	<b>Akal (Hifz al-Aql)</b>	<b>Keturunan (Hifz al-Nasl)</b>	<b>Harta (Hifz al-Mal)</b>
Saguhati Galakan Muallaf	Bantuan Perubatan (Pembedahan, Pembelian alat sokongan Hidup, Rawatan susulan melibatkan kos tinggi)	Bantuan Umum Pelajaran (Bantuan Umum Persekolahan Anak-anak Staff)		Bantuan Wang Saku
<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>1</b>

Berdasarkan Jadual 7, terdapat satu skim bantuan yang termasuk dalam setiap kategori pemeliharaan agama, nyawa, akal, dan harta, manakala tiada skim bantuan yang diperuntukkan bagi kategori pemeliharaan keturunan.

#### 4. KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, pendekatan maqasid syariah dilihat sebagai satu keperluan yang penting dalam setiap skim bantuan zakat kepada asnaf dan relevan untuk dilaksanakan. Skim agihan zakat di UNITEN telah melengkapikan setiap aspek maqasid syariah, namun penambahbaikan serta semakan semula terhadap jumlah skim dan kadar bantuan perlu dilakukan berdasarkan keutamaan lima aspek pemeliharaan dalam *al-Dharuriyyat al-Khams*. Aspek-aspek tersebut merangkumi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, yang perlu disesuaikan dengan kehendak semasa, keperluan penerima bantuan, serta situasi ekonomi negara. Pelaksanaan maqasid syariah secara syumul amat penting untuk mencapai objektif setiap perkara yang disyariatkan dan memastikan bantuan diuruskan dengan baik, adil, dan amanah. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada

institusi zakat di UNITEN serta IPT yang lain dalam menguruskan sistem agihan zakat dengan lebih sistematik dan efisien berpandukan objektif syarak.

## **5. PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) USIM, dengan tajuk Kerangka Kompetensi Amil Zakat Institut Pengajian Tinggi (Ipt) Ke Arah Membangun Malaysia Madani Kod Penyelidikan FRGS/1/2023/SSI13/USIM/01/1. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## 6. RUJUKAN

- Ab Rahman, A. (2019). Pengurusan institusi zakat berdasarkan maqasid syariah dan matlamat pembangunan lestari (SDG): Management of zakat institution based on maqasid syariah and sustainable development goals (SDG). *Journal of Fatwa Management and Research*, 42-59.
- Ab Rahman, A., & Abd Khafidz, H. (2015). *Ensiklopedia asnaf dan skim agihan zakat di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM Press.
- Ab Rahman, A., & Abd Shakor, M. F. (2024). Pengurusan Amil Zakat di Institut Pengajian Tinggi: Isu Dan Cabaran: Amil Zakat Management In Higher Education Institutions: Issues And Challenges. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1), 142-152.
- Ab Rahman, A., & Ismail, N. (2016). Analisis SKIM agihan zakat kepada muallaf berasaskan Maqasid Syari'ah di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. *Menelusuri isu-isu kontemporari zakat*, 251-262.
- Ab Rahman, A., Omar, S. M. N. S., Som, H. M., Mokhtar, S. Z., Penyelidik, P., & dan Undang-Undang, F. S. (2016). *Skim Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Selangor dan Wilayah Persekutuan*. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference.
- Al-Fasi, `Alal, 1966. *Maqasid al-Syar`iyyah al-Islamiyyah Wa Makarimaha*. Rabat: Matabi' al-Risalah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1901. *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. (1st Ed.). Egypt: Al-Matba'ah al-Amiriyyah.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-lakhmi, 1996. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Amanah UNITEN. (t.t.). Agihan Zakat. Diambil dari <https://www.amanahuniten.my/agihanPage.php>
- Amanah UNITEN. (t.t.). Sejarah TAZU. Diambil dari <https://www.amanahuniten.my/sejarahTazu.php>
- Hasbullah, M., Sulaiman, S., Hamir, H., & Ab Rahman, A. (2024). Model Tabdir Urus Zakat Universiti Awam: Perbandingan Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ) Dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen

(WAZAN): Zakat Management Model In Public Universities: A Comparison Between Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ) And Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (Wazan). Journal of Fatwa Management and Research, 29(2), 127-143.

Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir, 1999. Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah. Beirut: Dar Salam.

Jalil, M. R., Wahid, H., & Ahmad, S. (2018). Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan. Journal of Fatwa Management and Research, 10(1), 51–72. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.28>

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*